

SULIT

KE3032



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER
SEMESTER KEDUA SESI 2001/02**

KOD/NAMA KURSUS : KE3032 AMALAN KESETIAUSAHAAN SYARIKAT
TARIKH : 09 MAC 2002 (SABTU)
MASA : 9.00 - 12.00 TGH (3 JAM)
TEMPAT : DP 1/7, DKG 3/1, DKG 4(2), DKG 4(4), DKG 4(5)

ARAHAN :

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4) soalan** di dalam **SEPULUH (10)** halaman bercetak.
2. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan.
3. Semua jawapan hendaklah ditulis di atas lembaran jawapan yang disediakan.

"SELAMAT BERJAYA"

NO. MATRIK : _____

--	--	--	--	--	--

(dengan perkataan)

(dengan angka)

NO. KAD PENGENALAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA PENSYARAH : _____

KUMPULAN :

--

**JANGAN BUKA SOALAN INI
SEHINGGA DIBERI ARAHAN**

SULIT

SOALAN 1 (25 MARKAH : 45 MINIT)

Mohd Shah merupakan seorang graduan Universiti Utara Malaysia yang baru sahaja menamatkan pengajiannya. Pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi semasa pengajian digunakan sepenuhnya untuk memenuhi cita-citanya untuk menjadi seorang usahawan bumiputera yang berjaya. Langkah pertama yang di ambil beliau ialah memulakan perniagaan hiasan dalaman secara kecil-kecilan sesuai dengan modalnya yang agak terhad. Perniagaan itu diberi nama Perniagaan Hiasan Syifaa' sempena nama anak perempuan kesayangannya.

5 tahun berlalu dan perniagaannya semakin maju dan berjaya. Kini beliau mengorak langkah dengan lebih jauh dan mengambil keputusan untuk menukarkan perniagaannya kepada Maju Jaya Sdn Bhd dengan modal syer dibenarkan RM250 000 dan pejabat berdaftar syarikat di Alor Setar Kedah Darul Aman.

DIKEHENDAKI:

- a. Apakah borang-borang yang terlibat serta yuran yang perlu dibayar untuk menubuhkan Perniagaan Hiasan Syifaa'.

(2 Markah)

- b. Nyatakan langkah-langkah serta dokumen-dokumen yang terlibat untuk memperbadankan Maju Jaya Sdn. Bhd.

(11 Markah)

- c. Borang 48F tidak perlu diserahkan kepada Pejabat Pendaftar Syarikat, sebaliknya hanya perlu disimpan oleh syarikat sebagai rekod dalaman sahaja. Huraikan tentang Borang 48F.

(1.5 Markah)

d. Sekiranya Maju Jaya Sdn Bhd hendak ditukarkan namanya kepada AMRIF Sdn Bhd, apakah tindakan-tindakan dan dokumen-dokumen yang terlibat untuk penukaran tersebut. Anda juga dikehendaki memberikan contoh keratan resolusi khas bagi pindaan nama tersebut.

(7 Markah)

e. Nyatakan apakah pindaan-pindaan yang boleh dibuat ke atas Memorandum Syarikat.

(3.5 Markah)

SOALAN 2 (25 MARKAH: 45 MINIT)

Utara Niaga Sdn. Bhd. yang mempunyai pejabat berdaftar di Alor Setar, Kedah telah menjalankan perniagaan sebagai pemborong barangan elektronik selama tiga (3) tahun. Tahun kewangan berakhir syarikat adalah pada 30.6.2001. Mesyuarat Agung Tahunan yang terakhir telah diadakan pada 01.01.2001. Syarikat bercadang untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Keempat bagi membincangkan urusan biasa syarikat. Disamping itu, syarikat ingin membincangkan “perkara-perkara lain” seperti berikut;

1. Pihak syarikat inginkan seorang pengarah yang berpengalaman. Sehubungan itu, cadangan resolusi perlantikan pengarah baru, iaitu Encik Bakar yang berumur 72 tahun bagi menggantikan kekosongan sementara, akan dibuat pada Mesyuarat Agung Tahunan.
2. Untuk tujuan memperkembangkan perniagaan, pihak syarikat bercadang menambah objek syarikat bagi membolehkan syarikat terlibat dalam industri mengeluarkan barangan perabut.

Syarikat menerima pakai Artikel Susunan A, Jadual 4, Akta Syarikat 1965.

DIKEHENDAKI:

- a. Tentukan tarikh terakhir Mesyuarat Agung Tahunan Kali Keempat patut diadakan.
(2 markah)
- b. Andaikan anda sebagai setiausaha Utara Niaga Sdn. Bhd. Anda dikehendaki menyediakan notis dan agenda memanggil Mesyuarat Agung Tahunan Keempat bagi Utara Niaga Sdn. Bhd. dengan mengambil kira perkara berikut;
 1. Urusan-urusan biasa syarikat menurut peruntukan Seksyen 169(1), Seksyen 172(2) dan Artikel 46, Susunan A, Jadual 4, Akta Syarikat 1965 perlu dinyatakan dengan lengkap.

2. Pemilihan tarikh, tempat dan masa mesyuarat yang akan diadakan, ditentukan sendiri oleh anda.

(13 markah)

c. Andaikan, “perkara-perkara lain” yang akan dibincangkan tersebut diadakan di dalam mesyuarat-mesyuarat yang berlainan. Tentukan jenis resolusi, jenis undian dan tempoh penghantaran notis kepada ahli yang berhak hadir ke dalam mesyuarat tersebut.

(4 markah)

d. Menurut Seksyen 146(1)(c), Walau apapun yang dinyatakan di dalam Artikel syarikat, borang perlantikan proksi hendaklah diserahkan kepada pejabat berdaftar syarikat tidak kurang daripada 48 jam sebelum mesyuarat bermula ataupun tidak kurang daripada 24 jam bagi mesyuarat yang ditangguhkan. Nyatakan peranan setiausaha syarikat berhubung dengan perlantikan proksi.

(3 markah)

e. Menurut Seksyen 152A (1&2), Akta Syarikat 1965, kelulusan resolusi boleh dibuat melalui edaran tanpa mengadakan mesyuarat ahli. Namun begitu, terdapat keadaan di mana resolusi-resolusi tersebut masih memerlukan kelulusan di dalam mesyuarat ahli. Nyatakan 3 keadaan di mana kelulusan resolusi melalui mesyuarat masih diperlukan.

(3 markah)

SOALAN 3 (25 MARKAH : 45 MINIT)

Hidup Bersama Bhd merupakan syarikat konglomerat yang disenaraikan di BSKL dengan modal berbayar sebanyak RM20 juta. Bagi meluaskan operasinya, Hidup Bersama telah menubuhkan Bersama Bergembira Finance Bhd. Aktiviti utama perniagaan bagi Bersama Bergembira Finance Bhd adalah menyediakan perkhidmatan pinjaman kepada individu dan juga badan perniagaan.

Lembaga Pengarah Bersama Bergembira Finance Bhd terdiri daripada Tan Sri Dato' Ahmad sebagai pengerusi, Dato' Abd. Jalal Hashim sebagai pengarah urusan, Dato' Suhaimi Sujak yang berusia 73 tahun, Dato' Azwan Din, Dato' Kassim Abu, Encik Abdul Samad Sameon, Datin Maznah Rabu, Datin Rahimah Othman dan Jackson Miller. Datin Rahimah Osman dilantik sebagai pengarah tambahan. Kesemua pengarah merupakan warganegara dan bermastautin di Malaysia kecuali Jackson Miller yang merupakan warga Kanada tetapi bermastautin di Malaysia. Lantikan semua pengarah pada 25 Januari 2002 dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kedua yang lalu kecuali Datin Rahimah Osman yang dilantik pada 28 Febuari 2002 .

Berikut adalah senario yang berlaku sepanjang tahun 2002:

- i. Dato' Azwan Din telah didapati bangkrap oleh makamah pada 30 Jun 2002.
- ii. Datin Maznah Rabu telah disahkan gila oleh pihak hospital akibat kalah dalam kes perceraian.
- iii. Dato' Kassim Abu telah meninggal dalam nahas udara di Brisbane, Australia.

Syarikat menerima pakai Artikel Susunan A, Jadual 4, Akta Syarikat 1965.

DIKEHENDAKI:

- a. Jelaskan maksud bagi pengarah eksekutif dan pengarah bukan eksekutif dan tugasnya dalam syarikat.

(4 markah)

b. Dengan mengambil kira senario yang berlaku tersebut:

i) Berapakah bilangan pengarah yang perlu bersara secara bergilir dalam AGM Ketiga. Senaraikan nama pengarah yang termasuk di dalam pengiraan persaraan bergilir pada AGM tersebut. (Artikel Syarikat menyatakan bilangan terdekat dan tidak melebihi 1/3 perlu bersara).

(4 markah)

ii) Jika Mr. Miller berhasrat untuk meletakkan jawatannya sebagai pengarah atas alasan ingin pulang ke Kanada, adakah perletakan jawatan itu sah menurut Akta Syarikat 1965? Berikan alasan berdasarkan jawapan anda.

(3 markah)

c. Dalam seksyen 133A(1)(a), Akta Syarikat 1965 menyatakan larangan untuk memberi pinjaman kepada pengarah syarikat. Jelaskan perkara-perkara yang tidak terpakai bagi larangan pinjaman keatas pengarah dalam Bersama Bergembira Finance Berhad.

(6 markah)

d. Nyatakan keadaan-keadaan yang menyebabkan berlakunya kekosongan sementara jawatan pengarah syarikat. Jelaskan cara mengisi kekosongan jawatan tersebut.

(5 markah)

e. Sebagai seorang pengarah dalam Bersama Bergembira Berhad, nyatakan enam(6) perkara utama Laporan Pengarah yang perlu dibuat dalam Laporan Penyata Kewangan.

(3 markah)

SOALAN 4 (25 MARKAH : 45MINIT)

- A. Encik Ishak Hashim, Puan Sofiah Sulaiman, Mr. Stephen Chong dan Mr Rajendra Johnson merupakan pengarah pertama syarikat Jati Bhd. Syarikat ini menjalankan perniagaan kayu kayan yang beroperasi di sekitar Sandakan, Sabah. Syarikat telah diperbadankan pada 1 Januari 1998 dengan modal dibenarkan RM600,000 pada nilai par RM10 unit sesaham. Aset bersih syarikat adalah berjumlah RM220,000.

Pada tarikh perbadanan syarikat telah pun menerbitkan 40,000 unit saham bernilai RM10 sesaham kepada pelanggan memorandum Jati Bhd. Encik Ishak Hashim merupakan pemegang saham yang terbesar syarikat dengan peratusan pegangan sebanyak 35%. Pendapatan dan kerugian bersih bagi tempoh-tempoh perakaunan berikut adalah:

Tempoh perakaunan	Untung/(Rugi) bersih (RM)
31 Disember 1998	(58,000)
31 Disember 1999	46,000
31 Disember 2000	(59,000)
31 Disember 2001	(75,000)

Saham syarikat diniagakan di Bursa Saham Kuala Lumpur pada harga antara RM6 sehingga RM7 sesaham bagi enam bulan yang terakhir. Lembaga Pengarah yang masih lagi terdiri daripada pengarah pertama syarikat, bercadang untuk menerbitkan saham pada diskaun untuk menarik minat pelabur untuk melabur di dalam syarikat sekiranya harga saham rendah daripada nilai pasaran semasa. Pengarah masih belum membuat keputusan samada menerbitkan semua saham yang belum diterbitkan atau hanya 50% saham diterbitkan pada diskaun.

Sebagai setiausaha syarikat anda diminta untuk menasihatkan lembaga pengarah di dalam membuat keputusan.

DIKEHENDAKI:

- a. Jelaskan maksud saham menurut Seksyen 4 Akta Syarikat 1965 dan senaraikan kelas-kelas saham.

(2 markah)

- b. Menyimpan maklumat berkaitan sumbangan modal kepada syarikat serta pegangan merupakan kewajipan setiausaha syarikat. Berdasarkan kepada maklumat yang dijelaskan di dalam kes di atas, terangkan dengan jelas daftar-daftar yang perlu disimpan oleh setiausaha syarikat Jati Bhd.

(2 markah)

- c. Huraikan dengan jelas samada Jati Bhd boleh menerbitkan saham pada diskaun.

(2 markah)

- d. Huraikan prosedur penerbitan saham pada diskaun.

(8 markah)

- B. Bursa Saham Kuala Lumpur menetapkan kesemua syarikat yang disenaraikan (listed companies) mewujudkan jawatan kuasa audit.

DIKEHENDAKI:

- a. Jelaskan maksud jawatankuasa audit.

(2 markah)

- b. Huraikan tugas dan tanggungjawab jawatankuasa audit.

(2 markah)

C. Antara isu-isu yang dibincangkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Kewangan di dalam Laporan Urustadbir Korporat (corporate governance) mengenai perubahan undang-undang dan peraturan adalah:

- (i) Samada menjadi kewajipan jawatankuasa audit untuk mengenalpasti frod (fraud) dan tindakan undang-undang yang perlu diambil untuk menangani isu ini.
- (ii) Samada pengarah mempunyai obligasi menurut undang-undang untuk mendapatkan nasihat daripada jawatankuasa audit syarikat semasa membuat pertimbangan mengenai tugas fidusiarinya.

DIKEHENDAKI:

Bincangkan dan berikan cadangan anda mengenai kedua-dua isu di atas.

(7 markah)

Lampiran soalan 2(c)

Nombor Matrik:.....

Kumpulan:.....

	Jenis Resolusi	Jenis undian	Tempoh notis
Situasi 1			
Situasi 2			